



No. Sebutharga : **MDTM 06/01/09 sk 1/2024**

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN (KENDERAAN)
MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM**

Kementerian/Jabatan :

**MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM
PETI SURAT 59
35900 TANJONG MALIM
PERAK DARUL RIDZUAN**

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut :


Bil.	Keterangan Aset	Nombor Pendaftaran Kenderaan	Kuantiti	Harga Simpanan (RM)	Lokasi Aset
1.	Pacuan 4WD NISSAN X-TRAIL 2.5L	AHT 5200	1	8,000.00	Pejabat MDTM, Bandar Behrang 2020
2.	Tunggu Sedia Generator 15KVA MECC ALTE	3TNE84 (No. Enjin)	1	7,500.00	
3.	Tunggu Sedia Generator 200KVA DOOSAN DC280-160N	EBPOB 330666 (No. Enjin)	1	15,000.00	

2. Aset boleh dilihat pada **15/07/2024** dan/hingga **17/07/2024** di antara jam **10.00 pagi** hingga **12.00 tengahari** di PEJABAT MDTM, BANDAR BEHRANG 2020.
3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan **Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA.28)** yang boleh diperoleh di alamat seperti di para 4. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.

4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan di tanda No. Sebut Harga MDTM 06/01/09 SK 1/2024 dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat :-

JABATAN PERBENDAHARAAN
MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM
LOBI UTAMA, ARAS BAWAH
PETI SURAT 59
35900 TANJONG MALIM
PERAK DARUL RIDZUAN

5. Tarikh tutup sebut harga pada **19/07/2024** jam 12.00 tengahari. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.



(MOHD IKRAM BIN AHMAD)

Yang Dipertua

Majlis Daerah Tanjong Malim

Alamat : MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM

Tarikh : 9.7.2024

Cop :



SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000.00 mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk Wang Pos atau Draf Bank sahaja atas nama **YANG DIPERTUA MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM**.
3. Tawaran tanpa/kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*).
5. Jabatan ini tidak akan bertanggungjawab ke atas aset yang dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh tujuh (7) hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.

Nota : Syarat-syarat sebut harga boleh dipinda mengikut keperluan Kementerian/Jabatan.